



KENYATAAN MEDIA

NCEC KPKT: 4 POLISI BAHARU DILULUSKAN PACU EKONOMI KITARAN

PUTRAJAYA, 9 Mei 2025 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan Mesyuarat Majlis Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal (*National Circular Economy Council* – NCEC) ke-3 bertempat di Hotel Le Meridien, Putrajaya pagi ini.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) dan dihadiri oleh wakil-wakil utama daripada pelbagai kementerian, jabatan, pihak berkuasa negeri, industri, persatuan, pakar sisa pepejal dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Kehadiran pelbagai pemegang taruh ini menggambarkan kesungguhan semua pihak dalam menjayakan agenda ekonomi kitaran negara.

Berlandaskan prinsip 'Ke Arah Tanggungjawab Bersama', Mesyuarat NCEC ini sekali lagi mencatat satu pencapaian penting dalam mencorak landskap kelestarian negara dengan meluluskan secara dasar cadangan Kerangka Polisi Peluasan Tanggungjawab Pengeluar (*Extended Producer Responsibility* - EPR) dan pelaksanaan mandatori reka bentuk eko (*eco-design*).

Menurut YB KM "EPR merupakan antara fokus utama KPKT pada tahun 2025 yang menekankan aspek 'Tanggungjawab Bersama Kerajaan - Swasta' dalam menguruskan sisa pepejal. Kerangka Polisi EPR yang dibangunkan oleh KPKT adalah hasil sesi libat urus bersama pelbagai pemegang taruh terutamanya pihak industri yang merangkumi elemen utama seperti Model EPR, penentuan syarikat berkewajipan (*obliged companies*), sasaran pemerolehan (*recovery target*), jenis bahan, fasa pelaksanaan serta peranan dan tanggungjawab pemegang taruh yang berkaitan".

EPR merupakan instrumen tunjang dalam ekonomi kitaran dengan meletakkan tanggungjawab bersama Kerajaan dan industri dalam menguruskan sisa secara mampan dan bertanggungjawab, seterusnya mengurangkan beban kewangan Kerajaan dalam menguruskan sisa pepejal.

Selain itu, NCEC Ke-3 turut **bersetuju secara prinsip cadangan pelaksanaan mandatori *eco-design*** yang dikemukakan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES). Cadangan ini merangkumi pembangunan dasar dan peraturan mandatori, rangka kerja, garis panduan dan piawaian *eco-design*. Produk reka bentuk eko ini akan dapat memupuk budaya penggunaan produk mampan serta keyakinan pengguna.

Mesyuarat NCEC Ke-3 turut mengambil maklum mengenai **inisiatif "KITAR: Peranti Lama, Nafas Baharu"** yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang mengetengahkan kepentingan menguruskan e-waste dengan cekap dan berkesan melalui proses kitar semula dan *remanufacturing*.

Di samping itu, Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) turut memaklumkan pelaksanaan Program Kitar Semula di residensi Komuniti PR1MA dengan kerjasama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) yang melibatkan pembelian minyak masak terpakai, barangan kitar semula serta aktiviti meningkatkan komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (*Communication, Education and Public Awareness – CEPA*). Inisiatif ini adalah contoh yang menyokong inisiatif *Blueprint* agar pemaju perumahan menyediakan kemudahan yang menyokong pelaksanaan ekonomi kitaran serta bergerak bersama Kerajaan dalam transformasi ke arah masyarakat rendah karbon.

Selain itu, Mesyuarat NCEC Ke-3 juga bersetuju agar semua kompleks membeli belah diwajibkan untuk menyediakan kemudahan pusat kitar semula atau *drive-through recycling centre* sebagai syarat lesen premis PBT berkuatkuasa mulai 1 Januari 2026.

Semua hasil mesyuarat NCEC Ke-3 ini adalah sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan *Blueprint* Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal di Malaysia (2025–2035) bagi merealisasikan agenda negara dalam mentransformasikan pengurusan sisa pepejal mengikut model ekonomi kitaran. Susulan itu, KPKT akan mengemukakan hasil mesyuarat kali ini untuk pertimbangan dan kelulusan Mesyuarat Jemaah Menteri.

Dalam mesyuarat ini juga, YBKM mengambil kesempatan untuk memaklumkan mengenai Hari Cuci Malaysia yang akan diadakan pada 27 September 2025 di Port Dickson. Program ini merupakan acara tahunan bagi memperkukuhkan kesedaran masyarakat Malaysia mengenai kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar. Hari Cuci Malaysia 2025 akan melibatkan seramai 100,000 peserta di seluruh negara yang terdiri daripada pelbagai pihak seperti kementerian, jabatan, persatuan, pihak industri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), institusi pendidikan, anggota keselamatan dan orang awam.

Dengan kerjasama erat antara kerajaan, industri dan masyarakat, Malaysia berada di landasan yang kukuh untuk melangkah lebih jauh dalam membina masa depan yang mampan melalui dasar yang progresif dan pelaksanaan yang inklusif.

#MalaysiaMADANI
#Kemampanan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
K P K T